



ISSN: 1675-2651

www.unimas.my

Peneraju Masa Depan Gemilang

Persada

Edisi Konvo 2003

Bil. 7. Julai - Ogos 2003

Menarik di dalam

Unimas Sedekad
Menerajui Kecemerlangan

e-Bedian

Ikrar pelajar

Perahu tambang

Sedekad Kecemerlangan



dari MS ISO 9002:1994 ke MS ISO 9001:2000

Unimas bersama-sama institusi-institusi pengajian tinggi lain di Malaysia berusaha mendapat pengiktirafan Standard Kualiti sejajar dengan hasrat untuk meningkatkan lagi mutu dan integriti terutama aspek pengurusan pelajar di Unimas. Pengiktirafan ini bukan saja untuk menunjukkan keupayaan Unimas untuk bersaing dengan IPTA dalam negara malah meletakkan nama Unimas di peringkat antarabangsa sebagai sebuah institusi keilmuan yang berteknologi moden dan berprestij di rantau ini.

Oleh sebab itu Unimas sedang dalam proses untuk menaik taraf versi MS ISO 9002: 1994 yang sedia ada kepada MS ISO 9001: 2000. Kita berharap dengan kejayaan menaik taraf ini akan meningkatkan keyakinan masyarakat tempatan dan juga akan dapat meninggikan keyakinan pihak-pihak luar terutama pelajar-pelajar luar negara tentang mutu pengurusan pengambilan pelajar iaitu bermula daripada proses pengambilan pelajar sehingga ke proses pengijazahan. Ini seiring dengan misi Unimas untuk menjadi universiti yang bertaraf antarabangsa.

Unimas sentiasa peka dengan keperluan sektor kerajaan dan sektor swasta dan sentiasa berusaha memenuhi keperluan negara melahirkan tenaga kerja yang bukan sahaja berilmu tetapi juga mempunyai kemahiran-kemahiran yang diperlukan oleh sektor industri dan perdagangan terutama kemahiran yang berteraskan sains dan teknologi.

Kemahiran dan ilmu yang ada perlu disertai dengan nilai yang positif. Oleh itu Unimas sentiasa memastikan pelajarannya mempunyai ilmu, nilai positif, agama dan kemahiran teknologi yang seimbang bagi memungkinkan mereka bergerak di atas landasan yang betul.

Mutiara Kata

Manusia yang bahagia ialah manusia yang berjaya membahagiakan insan-insan sekelilingnya.

- Sabda Junjungan

Manusia bukannya pemalas; mereka sebenarnya mempunyai matlamat yang lemah. Matlamat yang lemah tak mampu menjadikan manusia rajin.

- Anthony Robbins

Kesabaran, ketabahan, kegigihan adalah kombinasi terbaik untuk kejayaan.

- Napoleon Hill

Persada diterbitkan tiga bulan sekali sebagai wadah warga kampus. Kami di Unit Penerbitan mengalu-alukan sumbangan daripada para pembaca terutama sekali warga Unimas untuk dimuatkan di dalam **Persada**. Sumbangan bolehlah dalam bentuk artikel, rencana, kertas kerja, cerpen, syair, berita semasa dan sebagainya. Setiap sumbangan bolehlah dialamatkan terus kepada Unit Penerbitan Unimas

EDITORIAL

PENASIHAT

Prof. Datuk Yusuf Hadi
yusuf@cans.unimas.my

Prof. Abd. Rashid Abdullah
ara@cans.unimas.my

Prof. Khairuddin Ab. Hamid
khair@cans.unimas.my

Prof. Sulaiman Hanafi
sulaiman@cans.unimas.my

Prof. Madya Dr. Hamsawi Sani
awi@cans.unimas.my

EDITOR

Zulkarnain Kipli
kzulkarnain@cans.unimas.my

Noorma Ismail Yusuf
inoorma@cans.unimas.my

Siti Zuraida Zolkipli
zuraida@cans.unimas.my

JURUFOTO

Mohammad Haimey Abdul Razak
arhaimey@cans.unimas.my

PEMBACA PRUF

Bujang Ahim
bujang@cans.unimas.my

Rohaida Mohamad
mrohaida@cans.unimas.my

SUMBANGAN

Prof. Syed Hassan Syed Almashoor Ahmad
Prof. Dr. Peter Songan
Azwan Abidin
Prof. Halimahtun Khalid
Saptuyah Hj. Mahmud
Unit Sukan

EDARAN

Unit Penerbitan Unimas

PENERBIT

Unit Penerbitan
Bahagian Canselori
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
Sarawak
Tel: +6082 671 000
Faks: +6082 672 411

Keterangan Gambar Kulit

Masyarakat Penan Long Bedian yang menerima arus pembangunan ICT (e-Bedian).



Unimas Sedekad Menerajui Kecemerlangan



Pada 24 Disember 2002 Universiti Malaysia Sarawak telah menyambut ulang tahunnya yang ke sepuluh. Sambutan ulang tahun yang kesepuluh atau sedekad dengan tema Sedekad Kecemerlangan ini disambut dengan sederhana tetapi penuh meriah.

Sejak penubuhannya pada 24 Disember 1992, Unimas melangkah maju ke hadapan dengan menawarkan peluang pendidikan tinggi dalam pelbagai disiplin ilmu. Unimas juga mengamalkan pendekatan pengajaran-pembelajaran yang inovatif di samping menyediakan program akademik yang memenuhi keperluan masyarakat dan industri. Unimas telah membina kurikulumnya dengan memberi penekanan terhadap pembangunan individu secara total, membina pendidikan untuk ketrampilan di samping meletakkan unsur teknologi dan pengurusan sebagai asas utama. Melalui pengajaran dan pembelajaran berinovasi akan memaksimumkan penglibatan pelajar serta menggalakkan pemikiran bebas dan kreatif.

Sejak awal penubuhan sehingga mencapai sepuluh tahun, misi Unimas ialah menjadi sebuah universiti contoh yang diiktiraf di rantau ini dan menjadi pilihan utama golongan pelajar dan akademik untuk mencapai kecemerlangan dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan keserjanaan. Semua ini terlaksana melalui penawaran pelbagai peluang dalam pendidikan, latihan serta perkhidmatan keserjanaan, keilmuan dan melalui penerapan ilmu secara strategik dan inovatif bagi meningkatkan kualiti budaya bangsa dan kemakmuran masyarakat.

Menoleh kembali sejarah penubuhannya sebagai sebuah

universiti yang bermula dari sifar dengan segala kekurangan, Unimas melangkah berani ke hadapan tanpa dibebani amalan dan tradisi silam.

Hasrat murni untuk menubuhkan Unimas sebagai universiti kelapan telah diumumkan pada 1 Oktober 1992 oleh Menteri Pendidikan ketika itu, YB Datuk Amar Dr. Sulaiman Haji Daud. Beliau telah melantik Profesor Dato' Zawawi Ismail sebagai Naib Canselor perintisnya. Pada 24 Disember 1992, Unimas telah diperbadankan. Sebagai universiti muda yang bermula dari sifar, segala perancangan awal perlu dilakukan. Bagi memudahkan tugas-tugas merancang, maka sebuah pejabat telah dibuka di Pusat Bandar Damansara, Kuala Lumpur bagi menyediakan perancangan dan melatih staf yang bakal bertugas di Unimas. Menjelang 3 April 1993, pejabat pertama Unimas dibuka di Rumah Setia di kawasan Taman Budaya, Kuching. Pejabat inilah yang menjadi nadi penggerak kepada pembangunan dan hala tuju Unimas sehingga sekarang. Bermula dengan kumpulan staf yang kecil di pejabat yang kecil, Unimas menapak dengan wawasan dan cita-cita yang besar.

Proses pembelajaran di Unimas bermula dengan penerimaan pelajar prasiswazah seramai 119 orang dalam sembilan program di dua fakulti perintis iaitu Fakulti Sains Sosial dan Fakulti Sains dan Teknologi Sumber. Selain itu, dua buah pusat sokongan akademik turut ditubuhkan bagi membantu pelajar iaitu Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia dan Pusat Khidmat Maklumat Akademik. Setelah beroperasi selama setahun, Unimas juga telah memulakan program penyelidikan dan menawarkan program pascasiswazah selain daripada menyediakan khidmat

Kampus sementara



Kampus tetap dalam pembinaan

akademik dan perundingan kepada industri.

Pembelajaran pertama berlangsung di Pusat Latihan Telekom, Samariang sementara menanti kampus sementara di Kota Samarahan siap dibina. Kampus sementara ini telah dibuka secara rasminya oleh Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad pada 31 Ogos 1993. Kampus sementara ini terletak 25 km dari Bandaraya Kuching.

Pada tahun 1994 hingga 1996 menyaksikan Unimas maju setapak lagi dengan penubuhan beberapa buah fakulti seperti Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Teknologi Maklumat, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan serta Fakulti Ekonomi.

Pada tahun 1997, Unimas mencatatkan sejarah yang tersendiri dengan mengadakan konvokesyennya yang pertama. Pada waktu itu Unimas turut bangga dengan kejayaan melahirkan kumpulan graduan pertamanya seramai 171 orang. Selepas itu Unimas telah mengadakan lima konvokesyen pada setiap tahun dalam bulan Ogos. Sehingga 2002, Unimas telah berjaya melahirkan 3236 siswazah yang kini telah menyumbang kepada pembangunan negara sama

ada di sektor kerajaan mahupun swasta.

Selaras dengan pertambahan fakulti, staf Unimas juga turut bertambah lebih 1000 orang dan bilangan pelajar Unimas juga mencecah 5000 orang. Selain itu Unimas juga membuka ruang kepada pelajar pascasiswazah. Aktiviti penyelidikan juga digiatkan dengan penubuhan Institut Kepelembagaan Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar. Lain-lain institut yang ada di Unimas ialah Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti, Institut Pengajian Asia Timur dan Institut Rekabentuk dan Aplikasi Ergonomik. Kesemua institut ini menawarkan program pascasiswazah.

Kini Unimas mempunyai lapan buah fakulti dan sebuah pusat yang menawarkan program pengajian iaitu Pusat Pengajian Bahasa. Selain itu pusat-pusat lain yang diwujudkan ialah Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan, Pusat Pemajuan Pelajar, Pusat Khidmat Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Khidmat Maklumat Akademik serta Pusat Pengajian Siswazah.

Unimas bergerak maju ke hadapan dengan pendekatan reka bentuk dan struktur kurikulum yang berasaskan pembangunan individu secara total dengan iltizam menjadi sebuah institusi keilmuan yang bersifat sezaman dan berpandangan jauh. Unimas juga memberi keutamaan kepada teknologi dalam semua aspek iaitu bidang pengajaran dan pembelajaran serta bidang pentadbiran. Setiap staf di Unimas diberi kemudahan emel. Malah dalam perancangan kampus tetap yang sedang dalam proses pembinaan, Unimas juga memberi penekanan kepada aspek teknologi dengan menggabungkan komponen-komponen ICT sepenuhnya.

Misi dan visi universiti diteruskan oleh Naib Canselor Unimas sekarang iaitu, Profesor Datuk Dr. Yusuf Hadi yang dilantik sebagai Naib Canselor Unimas yang kedua pada 1 Ogos 2001.

Kejayaan Unimas menempa namanya di persada keilmuan adalah berkat usaha semua warganya baik yang terdahulu mahupun sekarang. Penggembelangan tenaga, idea dan cita-cita serta wawasan bersama untuk mendukung visi dan misi Unimas dan semangat berpasukan telah terbukti membawa kejayaan.

Teras utama Unimas adalah menjana, mengguna dan menyebarkan ilmu. Oleh itu sempena ulang tahun kesepuluh, Unimas mengadakan Sambutan 10 Tahun Unimas dengan tema Sedekad Kecemerlangan.

Sambutan yang bermula Ogos 2002 hingga Ogos 2003 ini memberi peluang kepada warga Unimas untuk menghayati dan menunjukkan pencapaian dan kejayaan setiap fakulti, institut, pusat, bahagian dan unit di Unimas sejak penubuhannya hingga kini.

Pelbagai program dan aktiviti disusun sempena Sedekad Kecemerlangan. Antaranya aktiviti bercorak akademik seperti persidangan, bengkel, simposium, seminar dan pameran akademik. Aktiviti sosial bercorak akademik seperti ceramah, demonstrasi, pertandingan kuiz, debat akademik. Aktiviti sosial bercorak umum seperti persembahan kebudayaan, persembahan muzik, hari terbuka fakulti/pusat/bahagian/institut, dan sukan seperti pertandingan Larian Unimas, Regatta, pertandingan golf dan bowling. Kemuncak sambutan Sedekad Unimas ialah sempena konvokesyen Unimas yang ketujuh.

Sambutan ulang tahun ini akan menjadi perangsang kepada warga Unimas untuk lebih berusaha memajukan diri dan tidak mudah berpuas hati dengan kejayaan yang diraih dalam jangka masa 10 tahun ini.

Sejak sedekad yang lalu, Unimas sudah melalui pelbagai cabaran dan halangan dalam memperkasa dirinya dalam bidang keilmuan untuk bersaing dengan IPTA lain di Malaysia. Pemimpin-pemimpin Unimas juga telah berusaha untuk mengetengahkan Unimas di peringkat antarabangsa.

Unimas telah berjaya berbuat demikian apabila beberapa kali memenangi anugerah sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa terutama dalam bidang penyelidikan.

Sambutan sedekad ini lebih bermakna kepada warga Unimas dengan terbinanya kampus tetap pada 2004. Antara lapan perkara menarik tentang kampus tetap Unimas nanti ialah mercu tanda yang boleh dilihat dari jauh. Selain itu bangunan-bangunannya berkonsepkan imej kurun ke-21 yang moden dan progresif. Kampus ini juga mengamalkan konsep terbuka, iaitu boleh dikunjungi oleh orang ramai yang ingin menggunakan kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan di dalam kampus. Selain itu kampus ini juga merupakan Kampus Kota iaitu pelajar tidak perlu ke bandar kerana segala kemudahan dan perkhidmatan yang ada di bandar disediakan di dalam kampus.

Untuk kemudahan para staf dan pelajar, lorong pejalan kaki dibina sebagai satu rangkaian yang menghubungkan semua bangunan untuk berlindung daripada hujan dan panas. Kampus ini juga adalah Kampus Penyayang dan Cerdas yang memberi kemudahan kepada golongan istimewa. Kampus ini juga menyediakan Sistem Kolej Pelajar yang bersistematik dan menawarkan penyelesaian kepada pelajar-pelajarnya dengan kemudahan ICT. Kemudahan ICT disediakan agar Unimas dapat berfungsi dan memainkan peranannya sebagai institusi ilmu dengan lebih berkesan dan berjaya. Persaingan dalam era globalisasi tidak dapat dielakkan dan Unimas sebagai sebuah universiti yang bersifat sezaman dan berpandangan jauh akan berjaya mengatasi cabaran ini



Unimas boleh !!!

Pelajar Perlu Jati Diri



Pelajar berikrar

Para pelajar diingatkan untuk melengkapkan diri dengan pelbagai ilmu, kemahiran dan jati diri bagi membolehkan mereka seiring dan mampu bersaing pada semua peringkat pasaran kerjaya sama ada di dalam negara mahupun di persada antarabangsa.

Menurut Ybhg Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor berharap untuk melihat para pelajar boleh berfikir dan bertindak sebagai insan antarabangsa dan bukannya sekadar insan tempatan yang hanya terpengaruh dengan isu-isu tempatan.

“Pelajar universiti sebagai penggerak kecemerlangan bangsa dan pewaris pemimpin masa hadapan negara perlulah melengkapkan diri dengan ilmu serta jati diri yang mantap untuk mengharungi dunia globalisasi,” tambah beliau lagi.

Penguasaan teknologi maklumat dan komunikasi serta bahasa Inggeris sebagai bahasa dunia juga mesti diberi keutamaan kerana kedua-duanya merupakan asas berkomunikasi dan bertindak secara pantas dalam dunia tanpa sempadan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ikrar dan Aku Janji Pelajar baru sesi 2003/2004 yang diadakan di Dewan Unimas pada 6 Jun

**Pelajar
universiti
sebagai penggerak
kecemerlangan
bangsa dan
pewaris
pemimpin masa
hadapan negara
perlulah
melengkapkan
diri dengan ilmu
serta jati diri
yang mantap ...**

2003 yang lalu. Seramai 1417 orang pelajar baru mendaftar dalam pelbagai bidang.

Dalam ucapannya beliau juga menasihati para pelajar agar melengkapkan diri dengan ilmu-ilmu kemahiran berorganisasi. Penglibatan dalam organisasi bukan sahaja membantu memupuk daya kepimpinan malah menjadi platform ke arah

membangunkan integrasi melalui aktiviti yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum.

Beliau juga mengucapkan tahniah dan selamat datang kepada para pelajar yang telah melaporkan diri sebagai pelajar baru di Unimas. Beliau berharap mereka akan menggunakan kesempatan untuk menuntut sebanyak mungkin ilmu pengetahuan sebagai persediaan menghadapi pelbagai cabaran pada masa akan datang.

Terdahulu, Prof Datuk Yusuf Hadi, Naib Canselor Unimas mengingatkan pelajar baru bahawa ketrampilan diri dan kecemerlangan dalam ko-kurikulum dan sukan juga merupakan aspek penting kerana ia merupakan pelengkap kepada kecemerlangan akademik. Oleh itu para pelajar perlu memantapkan diri dengan bergiat dalam aktiviti-aktiviti ko-kurikulum untuk menjadi graduan yang berketrampilan tinggi dan serba boleh dalam kegiatan kebudayaan dan sukan.

Selain itu, beliau juga menasihati pelajar agar sentiasa mematuhi kod berpakaian Unimas dan mengamalkan budaya Unimas. Suasana kampus akan lebih elok dipandang apabila warganya berpakaian kemas dan sopan, rambut kemas dan rapi, berkelakuan baik dan bermoral tinggi untuk menjaga nama baik Unimas.

“Hasrat Unimas agar pelajar mengamalkan keseimbangan dalam tiga komponen, iaitu kecemerlangan akademik, keterampilan diri dan nilai murni serta sikap positif.” Tambah beliau.



Semoga berjaya

Perahu tambang gaya baru galak sektor pelancongan

Suatu pertemuan, persembahan kertas kerja serta pameran telah diadakan bagi melihat dan membincangkan cadangan hasil penyelidikan Geran Jangka Pendek Unimas yang telah dijalankan tentang perkhidmatan Perahu Tambang di Tebingan sungai Sarawak. Penyelidikan ini bertajuk 'Kajian Reka Bentuk Pengangkutan Air' di Waterfront Bagi Meningkatkan Fungsi dan Keselamatannya Kepada Pengguna. Penyelidikan ini telah dijalankan oleh Pensyarah Senireka Perindustrian, Encik Saiful Bahari Mohd Yusoff dari Program Teknologi Seni Reka, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Unimas.

Majlis persembahan, diskusi dan pameran ini berlangsung pada 28 Jun 2003, jam 9.00 pagi telah diadakan di Kementerian Pelancongan Negeri Sarawak, Bangunan MASJA dan telah dipengerusikan oleh Menteri Pelancongan Sarawak, Y.B Dato Sri Abang Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg.

Antara tujuan utama penyelidikan ini dibuat adalah bagi melihat sejauhmana aspek keselamatan yang ada pada perkhidmatan Perahu Tambang yang sedia ada di Kuching Waterfront khususnya yang beroperasi di Pangkalan Sapi dan Pangkalan Waterfront serta mencadangkan suatu reka bentuk yang lebih praktikal. Selari dengan 'Tahun Pelancongan Sarawak 2003', penyelidikan ini bukan hanya dilihat melalui teori semata-mata bahkan cadangan reka bentuk Perahu Tambang ini telah melalui beberapa proses modifikasi yang lebih sistematik dan pada masa yang sama ia masih mengekalkan ciri-ciri tradisionalnya. Perahu tambang ini juga dapat berfungsi sebagai 'produk pelancongan' kerana sesuai untuk pelancong menyusuri sungai-sungai atau ke sesuatu destinasi


melalui penggunaan jalan sungai.

Y.B Dato Sri Abang Zohari menjelaskan, apa yang menarik tentang reka bentuk baru Perahu Tambang ini ialah reka bentuknya tidak akan meminggirkan ciri-ciri perahu tambang tradisional yang menjadi identiti negeri Sarawak. Menurutnya, dengan reka bentuk baru teksis air atau lebih dikenali sebagai Perahu Tambang ini pasti menggalakkan pelancong untuk meneroka keunikan pemandangan bandaraya Kuching dari arah sungai. Ciri-ciri lain yang dimuatkan adalah cara baru apabila membuat bayaran kepada pengusaha bot serta ruang atap yang dapat dibuka atau berkonsepkan *soft top* Beliau juga mengulas bahawa kos bagi reka bentuk perahu tambang baru ini agak efektif iaitu kira-kira RM2,700 sahaja atau sama kosnya dengan perahu tambang yang sedia ada dan penumpang-penumpang kelak akan tetap dikenakan bayaran yang sama seperti sekarang, serta juga boleh memuatkan lapan penumpang dalam satu masa. "Reka bentuk Perahu Tambang yang baru juga akan lebih selamat, selesa dan mesra pengguna kerana mempunyai *hull* yang lebih stabil dan ruang tingkap yang terbuka bagi membolehkan penumpang terutamanya pelancong asing untuk menyaksikan pemandangan dari Perahu Tambang berkenaan" ujar beliau.

Hadir sama pada majlis tersebut adalah Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Unimas, Prof. Khairudin Ab. Hamid, Setiausaha Tetap Kementerian Pelancongan, Abang Kashim Abang Morshidi serta para tetamu lain yang terdiri daripada Pengarah-pengarah serta Ketua-ketua Jabatan dari beberapa agensi-agensis kerajaan seperti Jabatan Muzium Negeri, Jabatan Laut Sarawak, Lembaga Sungai-Sungai



Dato Sri Abang Abdul Rahman Zohari menunjukkan sesuatu tentang model perahu tambang sambil diperhatikan oleh Prof. Khairuddin dan Saiful Bahari



Model Perahu Tambang ciptaan Saiful Bahari

Sarawak, Lembaga Pelancongan Sarawak, Kuching Waterfront Management, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Perbadanan Pembangunan Ekonomi Sarawak (SEDC) serta Persatuan Penambang Pangkalan Batu.

Para tetamu yang hadir turut menyaksikan persembahan dan pameran reka bentuk bot moden yang disampaikan sendiri oleh Encik Saiful Bahari. Reka bentuk bot moden ini adalah sebagai alternatif kepada reka bentuk bot yang sedia ada. Antara ciri-ciri kelebihan bot ini ialah bot ini merupakan bot pelbagai guna atau *Multipurpose Catamaran*. Bot ini juga dihasilkan dalam bentuk Model Berskala yang sesuai digunakan samada di tasik atau di sungai. Cadangan asal penggunaan bot ini adalah di Tasik Unimas di kampus tetap yang akan siap tidak lama lagi.

Y.B Dato Sri Abang Abdul Rahman Zohari Tun Abang Haji Openg juga berminat untuk mengetengahkan reka bentuk bot ini di Sungai Batang Lupar, Sri Aman. Ini bagi menggalakkan lagi sektor pelancongan di mana pelancong-pelancong boleh menyusuri sungai untuk melihat kehidupan buaya di situ.



Model Bot moden



Anugerah Canselor dan Anugerah Pendidikan DiRaja

**tingkatkan prestasi akademik
dan kokurikulum graduan
Unimas**



**Anugerah
Canselor**



**Anugerah
Pendidikan
DiRaja**

Konvokesyen Unimas bermula lagi. Tahun ini pelbagai perancangan telah diatur untuk memeriahkan lagi acara konvokesyen. Tahun ini juga Unimas akan meraikan ulang tahunnya yang kesepuluh

Majlis konvokesyen merupakan majlis yang paling ditunggu-tunggu oleh para pelajar. Di sinilah mereka akan mengakhiri zaman pembelajaran mereka sebelum melangkah ke dunia baru iaitu dunia pekerjaan. Bagi menggalakkan bakal graduan berusaha mencapai kecemerlangan akademik serta aktiviti kokurikulum, dua anugerah disediakan setiap tahun untuk para graduan Unimas.

Pada tahun ini, terdapat 18 orang pelajar dari setiap fakulti telah dicalonkan untuk menerima anugerah tertinggi iaitu Anugerah DiRaja dan Anugerah Canselor. Kelayakan bagi seseorang pelajar ini dicalonkan sebagai penerima adalah berdasarkan pencapaian cemerlang pelajar tersebut dalam bidang akademik serta penglibatan aktif dalam bidang kokurikulum.

Proses pertama, setiap dekan fakulti akan memilih pelajar tahun akhir berdasarkan purata timbunan (PNGK) 3 mata ke atas serta sijil Anugerah Dekan yang telah diterima oleh pelajar sepanjang pengajian di Unimas. Kemudian senarai calon-calon tersebut akan di hantar ke Pusat Pemajuan Pelajar (PPP).

Proses yang kedua merupakan proses menilai sekali lagi calon-calon yang telah dipilih melalui penglibatan aktif mereka dalam aktiviti kokurikulum.

Anugerah Pelajaran Diraja dan Anugerah Canselor merupakan pengiktirafan yang tertinggi kepada seseorang graduan yang mana mutu dan hasil pencapaian akademiknya adalah yang terbaik berdasarkan kepada kriteria-kriteria seperti berikut:

- Keputusan peperiksaan keseluruhan;
- Aktiviti kokurikulum;
- Hadiah-hadiah yang diperolehi;
- Laporan keseluruhan daripada Dekan Fakulti;
- Berkelakuan baik.

Anugerah DiRaja adalah anugerah yang disampaikan kepada dua orang graduan peringkat Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang dalam pengajian akademik serta aktif dalam aktiviti ko kurikulum.

Pemberian Anugerah Pelajaran DiRaja ini penting sebagai dorongan dan teladan kepada graduan untuk meningkatkan prestasi pembelajaran selaras dengan hasrat Majlis Raja-Raja yang mementingkan persaingan sengit dalam era globalisasi yang begitu mencabar.

Anugerah Canselor pula merupakan anugerah yang disampaikan kepada graduan peringkat Ijazah Sarjana Muda yang cemerlang dalam pengajian akademik dan juga aktif dalam aktiviti kokurikulum serta mempunyai kepimpinan yang tinggi.

Matlamat utama penganugerahan ini adalah untuk menggalakkan semangat ketekunan dan moral yang tinggi serta meningkatkan daya saing di kalangan graduan-graduan Unimas.

kejayaan kedua selepas e-Bario



Tertarik dengan kemudahan ICT di Long Bedian

e-Bedian merupakan pusat teknologi maklumat komputer (ICT) yang kedua yang diusahakan oleh Unimas dalam merealisasikan hasrat penduduknya selepas kejayaan e-Bario. Hasil kajian awal yang dijalankan oleh Unimas mendapati keadaan di Long Bedian dan penduduknya sendiri iaitu kira-kira 1,578 orang bersedia untuk menerima kemudahan yang bakal ditawarkan oleh e-Bedian.

Prof. Khairuddin Abdul Hamid, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Unimas, merupakan orang yang bertanggungjawab ke atas projek ini berkata, seperti e-Bario, e-Bedian adalah projek penyelidikan yang bertujuan memberi peluang kepada kakitangan penyelidikan Unimas untuk mempraktikkan segala teori yang dimiliki dengan mengadakan projek untuk faedah masyarakat. Sesuai dengan taraf projek e-Bedian sebagai projek penyelidikan, Unimas memberi

peluang kepada kakitangannya untuk mengaplikasikan segala ilmu yang mereka miliki dengan mewujudkan satu projek yang boleh memberi manfaat kepada orang ramai.

“Matlamat projek ini ialah untuk merapatkan jurang digital antara masyarakat bandar dan luar bandar dengan kerjasama antara pihak swasta dan kerajaan.”

Oleh itu, sebelum projek e-Bedian dilaksanakan kumpulan penyelidik Unimas membuat kajian mengenai latar masyarakat di kawasan Long Bedian. Kajian ini penting untuk memastikan mereka sudah bersedia untuk menerima kemudahan yang bakal ditawarkan oleh projek ini.”

“Untuk memastikan projek ini benar-benar berjaya, Unimas telah memastikan bahawa faktor manusia itu sendiri memainkan peranan penting kerana mereka adalah penergerak kepada jatuh dan bangunnya e-Bedian.”

Menurut Prof Khairuddin, “terdapat perbezaan besar antara cara Unimas melaksanakan e-Bario dan e-Bedian. Ketika projek e-Bario dijalankan, kumpulan penyelidik mempunyai masa yang cukup untuk menjalankan kajian mengenai latar penduduk di Bario dan melatih pekerja teknikal untuk menyelia perkembangan e-Bario selepas ia dilancarkan. Namun, projek e-Bedian pula kami diberi masa yang amat singkat kerana ia perlu dilaksanakan segera sesuai dengan jadual lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir ke Sarawak.”

“Tetapi kerjasama yang diberikan oleh pemimpin setempat dan kerajaan negeri menyebabkan ia berjaya dilancarkan oleh Perdana Menteri pada bulan Mei yang lalu.”

Menurut Prof. Khairuddin, kemudahan internet dan laman web yang ditawarkan oleh e-Bedian akan memudahkan komunikasi antara penduduk di Long Bedian dengan dunia luar. Penduduk bukan sahaja boleh mendapatkan maklumat tetapi juga boleh mengambil kesempatan daripada kemudahan yang ada untuk memperkenalkan dan memasarkan Long Bedian dan barangan kraftangan yang dihasilkan kepada pelancong. Ini secara tidak langsung memberi peluang kepada mereka untuk mengembangkan lagi pasaran barangan kraftangan dan perniagaan mereka, kerana e-Bedian memberi kemudahan kepada pelanggan untuk membeli menerusi internet”.

Unimas akan sentiasa berusaha membantu masyarakat di Sarawak untuk menikmati kemudahan internet walau di mana mereka berada dan sasaran projek yang seterusnya ialah Betong.



Penduduk Long Bedian kini menikmati kemudahan ICT



Krew penyelidik yang diketuai oleh Prof. Khairudin Abd. Hamid



Malam Istimewa Sedekad Unimas

Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) meraikan golongan istimewa menerusi sambutan Malam Istimewa Sedekad Kecemerlangan Unimas yang diadakan di Stadium Perpaduan, Petra Jaya, Kuching pada 28 Jun 2003 lalu bersempena dengan sambutan Ulang Tahun ke-10 penubuhannya.

Sambutan Malam Istimewa itu melambangkan obligasi Unimas kepada masyarakat umum yang terutamanya golongan kurang bernasib baik. Persembahan malam tersebut yang bertemakan 'Harmoni Insan Eratkan Perpaduan' turut diserikan oleh beberapa pertubuhan kurang upaya yang menampilkan persembahan masing-masing.

Menteri Muda Kebajikan Am dan Hal Ehwal Wanita, Datin Paduka Hajah Sharifah Mordiah Tuanku Haji Fauzi menjadi tetamu kehormat pada malam itu. Hadir sama ialah Pengerusi Lembaga Pengarah Unimas, Tan Sri Datuk Amar Haji Bujang Mohd Nor, Naib Canselor Unimas, Profesor Datuk

Yusuf Hadi serta kira-kira 365 orang daripada pertubuhan kebajikan dan tetamu-tetamu jemputan yang lain.

Tetamu dihiburkan dengan persembahan tarian Kenyalang Indah oleh Kelab Tari BAYU, Unimas dan diikuti persembahan nasyid oleh anak-anak yatim dari Kompleks Kebajikan Laila Taib. Mereka mendendangkan dua buah lagu iaitu Qada dan Qadar serta Islam Teras Perpaduan. Kemudian, kumpulan tarian D'Semesta iaitu pelajar-pelajar Sekolah Pendidikan Khas Cacat Pendengaran, SMK Datuk Patinggi Haji Abdul Gapor Stampin menghiburkan penonton dengan tarian rampaian 'Senandung Remaja - Jinak-Jinak Merpati'.

Acara Gendang Melayu dari Rumah Sri Kenangan dan nyanyian dari kumpulan The Blind Mission turut dipersembahkan. Kumpulan Blind Mission mendendangkan beberapa buah lagu seperti 'Cinta Sabun Mandi', 'Kenangan Mengusik Jiwa' dan sebuah lagu berentak joget berjudul 'Laju-Laju Perahuku Laju'. Persembahan sketsa

dari Kumpulan Jiran Sekampung yang dibawa khas dari RTM membawa mesej supaya tidak meminggirkan golongan kurang upaya kerana mereka juga mempunyai kelebihan tersendiri. Kumpulan Fifth Wave Band dari Unimas juga tidak ketinggalan menghiburkan penonton dengan mendendangkan beberapa buah lagu seperti Bukan Cinta Biasa, Akhirnya Kini Pasti serta Zapin Budi.

Kemunculan istimewa vokalis utama kumpulan Exist, Ezad dengan beberapa dendangan lagu popular kumpulan itu seperti 'Julia', 'Mama Tolonglah Percaya', 'Kapal Terbang Kertas', 'Jesnita', 'Mengintai Dari Tirai Kamar' dan 'Seperti Dulu' menghangatkan lagi Malam Istimewa. Beliau juga berduet bersama Roziah Majlan mendendangkan lagu 'Dua Insan' dan menutup tirai persembahannya dengan dendangan lagu 'Percayakan Siti'.

Cabutan bertuah untuk golongan istimewa turut diadakan pada malam tersebut.

Kesedaran Terhadap

Kualiti Akademik Di Unimas *oleh Azwan Abidin*

Seiring dengan sedekad Unimas pada tahun 2003, untuk melahirkan tenaga pengajar dan graduan yang berkualiti, pihak universiti memberikan penekanan serius terhadap kualiti program pengajian yang ditawarkan. Sehubungan itu, Unit Jaminan Kualiti Akademik, Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (PPGM) yang diketuai Timbalan Dekan, Profesor Madya Dr Gabriel Tonga Noweg telah diberikan tanggungjawab dalam memantau perkembangan persekitaran pengajaran dan pembelajaran di Unimas.

Melalui kerjasama Unit Jaminan Kualiti Akademik PPGM dan Unit Latihan, dua siri bengkel yang di khususkan kepada Dekan, Timbalan Dekan, serta Ketua-ketua Program telah diadakan. Di mana, dalam bengkel ini beberapa pakar daripada Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan yang terajui oleh Timbalan Pengarah JPT Bahagian Jaminan Kualiti, Prof. Dato' Dr Sharifah Hapsah Syed Hasan Sahabudin, Cik Maimunah Ali dan Cik Vanitha Mohan telah dijemput bagi

menerangkan peranan utama jaminan kualiti akademik di universiti.

Objektif utama bengkel ini adalah untuk memberi pendedahan dan pengetahuan asas tentang penekanan kualiti akademik dalam memastikan mutu pembelajaran dan pengajaran di peringkat universiti mencapai standard yang ditetapkan. Dalam konteks ini, peserta diberi pendedahan awal menerusi penilaian dalaman oleh pihak universiti sendiri berdasarkan prosedur serta garis panduan sama yang digunakan oleh Bahagian Penjaminan Kualiti, sebelum ianya diperakui melalui hasil pemeriksaan panel khas sesuatu bidang yang berkenaan. Melalui proses ini, universiti berperanan mengumpul segala informasi berkaitan tahap standard serta kualiti suatu bidang pengajian yang ditawarkan, sekaligus melakukan analisis di mana perlu untuk mengenalpasti kelemahan dan kekuatan yang sedia ada pada bidang tersebut.

Bengkel yang diadakan di Santubong Resort (13 dan 14 Mac 2003) dan Damai Lagoon Resort (2, 3 dan 4 April 2003) lalu itu juga secara

langsung dapat memupuk semangat kerjasama dikalangan ahli akademik dalam mempromosikan keyakinan masyarakat terhadap tahap kualiti pendidikan tinggi negara. Melalui kerja berkumpulan dan ceramah yang dijalankan, para peserta juga didedahkan latihan secara hands-on dalam penyediaan dokumentasi sesuatu program untuk diaudit berdasarkan garis panduan dalam buku Manual Kod Amalan Jaminan Kualiti IPTA yang diedarkan kepada peserta sebagai rujukan.

Kesungguhan dan iltizam Unimas seharusnya dihargai bagi memastikan kecemerlangan mutu akademik sentiasa berada dalam kawalan standard dan kualiti yang terbaik dalam setiap program yang ditawarkan menerusi penekanan program-program seperti ini.



*Prof. Dato' Dr
Sharifah Hapsah Syed
Hasan Sahabudin*



Makan Malam Sedekad Kecemerlangan Unimas 30 Mei 2003





Konsert Istimewa

Sedekad Kecemerlangan Unimas

28 Jun 2003



Program Diploma Pascasiswazah



Prof. Abd. Rashid Abdullah



Para peserta bergambar bersama Naib Canselor, Prof. Datuk Yusuf Hadi

Seramai 30 orang pensyarah dari seluruh fakulti di Universiti Malaysia Sarawak mengikuti program Diploma Pascasiswazah Dalam Pengajaran dan Pembelajaran yang dianjurkan oleh Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM). Kelas secara intensif untuk program ini telah bermula pada 7 hb April 2003, dan akan tamat pada bulan Ogos 2003.

Mengikut Dekan CALM, Profesor Madya Dr Peter Songan, program ini direka sebagai satu program pembangunan professional untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pensyarah dalam bidang pedagogi dan penggunaan teknologi pendidikan agar mereka dapat mengukuhkan kompetensi dalam bidang pendidikan.

Objektif program ini adalah melatih ahli akademik dalam pengajaran dan pembelajaran secara sistematik untuk meningkatkan kecekapan sebagai seorang pendidik. Selain itu, program ini juga bertujuan mengukuhkan penglibatan ke arah pengajaran dan pembelajaran yang berkualiti serta mengembangkan budaya kerjasama di antara ahli akademik.

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Program (PMC) turut ditubuhkan untuk merancang dan memantau susunan mata pelajaran, penyampaian kursus dan kualiti program. Pengerusi PMC ialah Timbalan Naib Canselor (Akademik), Prof. Abdul Rashid Abdullah. Unimas merupakan salah satu dari sebilangan kecil institusi pengajian tinggi di Malaysia yang mula menawarkan program sebegini kepada ahli akademiknya dalam usaha untuk meningkatkan profesion mereka sebagai tenaga pengajar universiti yang berkualiti.



Peserta semasa berbengkel

Kunjungan Dari Universiti Brunei Darussalam



Rombongan UBD

Pada 4 Julai yang lalu, serombongan pelawat dari Universiti Brunei Darussalam (UBD) yang terdiri daripada mahasiswa dan mahasiswi telah datang ke Unimas untuk lawatan sambil belajar.

Rombongan ini terdiri daripada 35 orang mahasiswa/mahasiswi. Turut serta adalah empat orang pensyarah dari Jabatan Bahasa Melayu dan Linguistik (JBML) dan juga dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial.

Lawatan ke Unimas merupakan antara atur cara lawatan mereka ke Pontianak dan Kuching. Lawatan mereka ke Kuching adalah selama 2 hari.

Semasa lawatan ke Unimas, para pelawat telah diberi taklimat oleh Penolong Pendaftar Perhubungan Luar dan Antarabangsa, Unimas, Encik Henry Tening. Turut sama meraikan pelawat-pelawat pelawat tersebut ialah Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar, Prof. Sulaiman Hanapi.

Selepas taklimat, mereka kemudian dibawa melawat ke kampus tetap yang juga terletak di kawasan Kota Samarahan sebelum bertolak ke destinasi mereka yang seterusnya.

Attractions In Kuching



Kuching Waterfront, a major restoration and land reclamation project, has become the most popular meeting place in the city. Drab warehouses have been replaced with an almost 900 m long esplanade, beautifully landscaped and dotted with wooden benches, food stalls, restaurants and entertainment facilities. A number of older buildings have been preserved and incorporated into the design, including the Chinese History Museum, the Sarawak Steamship Building, the Open-air theatre and the Square Tower. Modern additions to the waterfront include a restored Chinese pavilion, an observation tower, a tea terrace and the spectacular musical fountains, as well as a number of modern sculptures.

Main Bazaar, opposite the waterfront, is the oldest street in the city and the heart of old Kuching. It has some superb examples of Chinese shophouse architecture, many of which have been occupied by the same family for generations. These families still pursue traditional occupations such as carpentry and petty trading. Kuching's highest concentration of antique and handicraft shops are to be found here, and shoppers can rest between bargaining sessions in a number of old-fashioned coffee ships with panelled walls and marble-topped tables.

Kuching Orchid Garden, just across the road from the Astana on the north bank of the river. Take a sampan from the Kuching Waterfront. The Orchid Garden is a great place to view more than 100 species of local orchids set in a 6.8 acre site in the heart of the city.

Civic Centre. The viewing at the top of the futuristic Civic Centre tower offers the best all-round views of Kuching and the surrounding area. The city and its hinterland, Mount Serapi,



Mount Santubong and even the mountains of Kalimantan are visible on the clear day.

The present day Kuching Mosue, previously the State Mosque is the best seen from the river. It was built in 1968, and its gilded cupolas make it one of the city's most striking landmarks, particularly at sunset. The site originally housed an old wooden mosque built in 1852. The new State Mosque is situated across river at Petra Jaya. It is a striking design, featuring a single cupola and Italian marble interior detailing.

The Sunday Market, which actually starts on Saturday afternoon, is held at Jln Satok. It is renowned for the Bidayuh ladies who set up shop here selling fruit and vegetables, but there are also many good Chinese and Malay stalls. Goods on offer include handicrafts, forest produce (including delicious wild honey), pets of all descriptions, orchid plants, live fish, and a whole range of local snacks and delicacies. The market is a must for weekend visitors, as it is very colourful and teemin with shoppers. The best time to go is Saturday night or early Sunday morning.

Jalan India is lined with shops selling all kinds of goods, particularly textiles. Mid-way down Jalan India there is a narrow passageway that leads to Jalan Gambier, where the fruit, vegetable and fish markets and the spice merchants are located. If you follow this passageway you'll pass a small Mosque hidden away in the middle of the city. The Mosque's structure has undergone many changes since it was originally built by Kuching's Indian Muslim community in the mid 19th century.

The Sarawak Museum, straddling both sides of Jln Tun Abang Haji Openg, has one of the best collections in Southeast Asia. The old wing, opened in 1891, is designed in the style of a Normandy townhouse. It houses an exceptional ethno-graphic collection, some good natural history displays and a section on the oil industry in Sarawak. The exhibition of traditional wood-carvings is magnificent. The new wing has more ethnographic exhibits, splendid Chinese ceramics and furniture, an art gallery, a section on Sarawak's history, and some excellent archaeological exhibits, including a reconstruction of the early human settlements at Niah Caves. In the museum grounds there is an Aquarium, the Botanical Gardens and the Heroe' Memorial, built to commemorate the dead of WW 2, the Communist Insurgency and Confrontation with Indonesia.

Beside Sarawak Museum, you also can visit the **Islamic Museum**, located on Jalan P. Ramlee, **Chinese History Museum** situated on the Waterfront, Cats Museum in the Kuching City North City Hall and lastly is Timber Museum situated in the Sarawak Industry Development Council building (Wisma Sumber Alam) in Petra Jaya.



Rainforest World Music Festival 2003

Unimas akan lahirkan ramai doktor pakar

Pada 12 Jun 2003, Mesyuarat Majlis Dekan-dekan Fakulti Perubatan IPTA telah diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) Unimas. Selain daripada kehadiran hampir kesemua dekan, beberapa Penolong Pendaftar dari enam buah fakulti perubatan yang terdapat di negara ini turut hadir bersama. Di samping itu, pengarah-pengarah hospital pengajar yang sedia ada juga turut serta dalam mesyuarat tersebut. Mesyuarat kali ini memberi tumpuan pada kualiti pendidikan perubatan iaitu setiap fakulti menjalani proses akreditasi yang

terperinci. Tujuannya adalah untuk memastikan semua graduan dari IPTA telah mencapai piawaian yang sepatutnya. Apabila mereka berkhidmat nanti, mereka boleh memberi perkhidmatan yang cekap, mampu memikul tanggungjawab dengan sempurna dan dapat menunjukkan sikap yang mulia.

Latihan di peringkat pascasiswazah, penyelidikan dan pembangunan turut dibincang dan adalah diharap ramai lagi calon-calon pascasiswazah dapat dilatih di fakulti perubatan yang sedia ada bagi memastikan jumlah doktor pakar dalam pelbagai bidang dapat dipertingkatkan.

Aspek pengurusan berkualiti turut dibincang dan pengalaman dari fakulti-fakulti yang telah wujud sekian lama dapat dikongsi bersama bagi membantu menentukan halatuju yang terbaik untuk fakulti-fakulti perubatan yang baru seperti di Universiti Malaysia Sabah dan di Universiti Institut Teknologi Mara.

Dengan kehadiran beberapa pengarah hospital pengajar IPTA, perbincangan telah dibuat bagi mencari satu model pengurusan hospital pengajar yang terbaik supaya semua yang terlibat akan mendapat faedah yang secukupnya.

Mesyuarat Majlis Dekan-dekan Fakulti Perubatan IPTA diadakan secara bergilir-gilir antara enam buah universiti yang berkaitan dan mesyuarat yang akan datang akan diadakan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM pada bulan September 2003.

Bagi FPSK Unimas, mesyuarat yang diadakan, telah memberi faedah yang amat mendalam kerana sudah terdapat empat golongan graduan perubatan dan maklum balas yang diterima adalah menggalakkan. Fakulti juga telah menghantar cadangan mengadakan pengajian pascasiswazah peringkat sarjana secara kerja kursus yang berkaitan dengan bidang kesihatan awam kepada Kementerian Pendidikan untuk kelulusan. Dari aspek pembangunan, sebuah hospital pengajar telah dirancang yang akan mempunyai kapasiti 350 katil dan dijangka akan dibina berhampiran Sarawak International Medical Centre (SIMC). Kedudukan kejuruan antara hospital pengajar Unimas dan SIMC akan menghasilkan kerjasama bersepadu demi memberi perkhidmatan perubatan yang terbaik kepada penduduk yang berhampiran.



Prof. Syed Hassan Syed Ahmad Almashoor, (barisan tengah dari kanan) Dekan FPSK Unimas bersama dekan-dekan dari IPTA yang lain

Info Akademik Unimas

Pada 21 Mei 2003 lalu, telah termeterai perjanjian di antara Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) dan Telekom Malaysia bagi penyediaan Talian Info Akademik Unimas bagi kemudahan para pelajar khususnya dan orang awam amnya bagi memperolehi maklumat terkini yang berkaitan dengan pengajaran-pembelajaran di Unimas.

Memorandum Perjanjian tersebut telah ditandatangani oleh Naib Canselor, Profesor Datuk Yusuf Hadi dari Unimas dan Pengurus Besar Penggunaan dan Perniagaan (Jualan), Haji Zainal Abidin Bin Abdul Rahman dari Telekom. Majlis menandatangani perjanjian itu telah disaksikan oleh Timbalan Naib Canselor bahagian Akademik iaitu Profesor Dr. Abdul Rashid Abdullah serta Pengurus dari Telekom iaitu Encik Ramsah Haji Mohd. Tahir.

Talian Info Akademik Unimas adalah satu perkhidmatan yang memudahkan para pelajar memperoleh maklumat terkini mengenai Unimas seperti maklumat kemasukan, keputusan peperiksaan semester, konvokesyen Unimas serta program-

program ilmiah secara cepat dan mudah. Talian Info Akademik Unimas ini dibangunkan dengan harapan untuk mewujudkan satu golongan masyarakat kampus yang bermaklumat. Terdapat enam menu utama yang terkandung di dalam perkhidmatan Info Akademik Unimas iaitu:

- Maklumat Am - seperti lokasi Unimas, mengapa pilih Unimas, program akademik Unimas
- Perkhidmatan Kemasukan - seperti syarat-syarat kemasukan calon program matrikulasi dan STPM
- Keputusan penilaian semester
- Maklumat konvokesyen - Seperti nama pelajar yang tersenarai, tarikh konvokesyen
- Pertanyaan status biasiswa atau pinjaman
- Kalendar Akademik Unimas

Untuk mengakseskan Talian Info Akademik Unimas, pelanggan boleh membuat panggilan daripada telefon kediaman, telefon bimbit TM Touch, TeleCard serta telefon awam dengan menggunakan Ring Ring Card dengan



Prof. Datuk Yusuf Hadi mencuba talian Info Akademik Unimas

mendail nombor 600-83-7985. Talian ini dibuka 24 jam sehari dan caj panggilan yang dikenakan adalah serendah 78 sen seminit daripada 7.00 pagi hingga 7.00 petang dan 39 sen seminit daripada 7.00 pagi setiap hari.

Perjanjian yang berkuatkuasa selama lima tahun ini diharap dapat membantu pelajar khususnya untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang terkini dan diharap pelajar juga dapat memanfaatkan perkhidmatan yang telah disediakan dengan sebaik mungkin.

Oleh Prof. Halimahtun Mohd Khalid

Tuan rumah SEAMEC 2003

Persidangan 7th Southeast Asian Ergonomics Society dan 4th Malaysian Ergonomics Conference (SEAMEC 2003) yang bertemakan *Ergonomics and Design Innovations for Regional Prosperity* merupakan persidangan ketujuh yang dianjurkan oleh The Southeast Asian Ergonomics Society (SEAES) dan yang keempat bagi persidangan ergonomik kebangsaan yang dianjurkan secara bergilir-gilir oleh universiti tempatan. SEAMEC 2003 diadakan sempena menyambut ulang tahun kesepuluh Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), dan sempena Mesyuarat Triennial SEAES kelapan yang berlangsung pada 20 Mei 2003.

Persidangan yang dianjurkan oleh Unimas dan SEAES ini berlangsung dengan jayanya dari 19 hingga 22 Mei 2003 yang lalu di Hotel Hilton, Kuching, Sarawak. Persidangan ini dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Malaysia, Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad pada 20 Mei 2003. Persidangan selama empat hari ini telah dibahagikan kepada dua sesi iaitu sehari untuk sesi tutorial dan tiga hari untuk sesi teknikal iaitu pembentangan kertas kerja ucapnama dan saintifik. United Akrib Tech Sdn Bhd dan Unit Penerbitan Unimas mengadakan pameran dan jualan buku semasa persidangan tersebut.



Perasmian sedang berlangsung

Dalam ucapannya, Tan Sri Musa berkata, institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) di negara ini disaran agar memastikan program pengajian yang disediakan benar-benar berkualiti dalam usaha menarik lebih ramai pelajar luar negara. Ini secara tidak langsung akan menyokong usaha kerajaan untuk meningkatkan ekonomi negara.

Beliau juga berkata, selain IPTS, institusi pengajian tinggi awam juga digesa mengambil langkah yang sama bagi membolehkan negara menjadi pusat kecemerlangan dalam bidang pendidikan.

"Universiti yang mempunyai keupayaan untuk menarik minat pelajar luar negara perlu berusaha untuk meningkatkan kualiti bagi memenuhi permintaan tersebut," katanya.

Persidangan ini bertujuan untuk berbincang serta bertukar-tukar ilmu dan pengalaman saintifik berkaitan isu dan penyelidikan ergonomik, serta bidang-bidang yang berkaitan seperti keselamatan, pekerjaan dan kesihatan, kejuruteraan industri, interaksi antara manusia dan reka bentuk produk dikalangan ahli akademik dan professional serta industri di rantau ASEAN dan negara-negara sedang membangun.

Persidangan ini juga bertujuan untuk meneliti tentang pendekatan teori, teknik, amalan dan trend ergonomik terkini dalam pelbagai bidang terapan serta melebarkan rangkaian perhubungan antara negara-negara ASEAN dan negara maju bagi meningkatkan kesejahteraan serantau.



Tan Sri Dato' Seri Musa merasmikan persidangan

Penyertaan persidangan adalah dari negara-negara ASEAN seperti Malaysia, Singapura, Indonesia, Thailand dan Filipina, manakala negara-negara maju yang menyertai adalah seperti Jepun, India, Hong Kong, Taiwan, Iran, Jerman, Denmark, Perancis, United Kingdom, Kanada dan Amerika Syarikat. Namun beberapa peserta daripada negara Thailand, Taiwan, Finland, Sweden, Arab Saudi, United Kingdom dan Amerika Syarikat terpaksa menarik diri berikutan wabak SARS yang sedang memuncak pada ketika itu.

Sebanyak 82 kertas kerja telah diterbitkan dalam prosiding persidangan berbentuk CD-ROM. Salah satu acara kemuncak adalah penyampaian tiga hadiah kertas kerja terbaik. Kertas kerja oleh Prof. Halimahtun Mohd. Khalid dan rakan-rakan telah memenangi hadiah terbaik bagi kategori ASEAN, sementara kertas kerja terbaik pelajar adalah daripada Singapura, dan kertas umum terbaik daripada negara Jerman.

Bengkel Audit Kualiti Dalaman

Unit Latihan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia telah mengadakan Bengkel Audit Kualiti Dalaman MS ISO 9001:2003 pada 28 - 30 Jun 2003 di Hotel Merdeka Palace Kuching. Bengkel tiga hari itu dihadiri seramai 30 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Akademik dan Pengurusan) Unimas. Mereka dibimbing oleh Puan Hajjah Zailan bt. Yusuff dari Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).

Objektif bengkel ini ialah menyediakan pegawai-pegawai untuk menjadi juruaudit kualiti dalaman,

memahami peranan sebagai juruaudit kualiti dalaman serta keperluan Standard MS ISO 9000 dan memberi pengalaman praktikal dalam audit kualiti dalaman.

Bengkel ini memberi beberapa penekanan kepada para peserta. Penekanan-penekanan yang diberikan semasa berbengkel ialah keperluan elemen-elemen di bawah MS ISO 9000, kefahaman ciri-ciri audit kualiti dalaman, penyediaan senarai semakan atau *checklist* untuk menjalankan audit audit dalaman, menjalankan audit kualiti dalaman dengan menggunakan senarai semakan berasaskan dokumen dan rekod yang terdapat di agensi,

kefahaman cara-cara menyediakan borang ketidakpatuhan dan laporan audit serta menjalankan tindakan audit susulan.

Penyampaian sijil kepada para peserta dilakukan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Yusuf Hadi di Bilik Mesyuarat Senat, Unimas.



Peserta bengkel



Unimas Johan Larian Kesihatan

Unimas telah mendapat tempat pertama sempena Larian Kesihatan 2003 bagi kategori Kementerian/Jabatan/Agensi kerajaan yang dianjurkan oleh Yayasan Sarawak pada 28 Jun 2003 di sekitar Stadium Perpaduan Sarawak, Petra Jaya Golf Club dan Kesuma Resort.

Larian itu bertujuan untuk memupuk semangat berpasukan dan setiakawan yang tinggi antara kementerian, jabatan dan agensi kerajaan yang mengambil bahagian. Selain dari acara larian, aktiviti senamrobik juga diadakan sebelum acara Larian.

Kakitangan Unimas yang turut serta dalam Larian tersebut terdiri dari Dr. Othman Bojo, Zambari Hj. Baijuri, Henry Tening Sengeng, Hardy Suntol,

Dharma Shahrul, Roslie Remin, Jamaluddin Dan, Mohd. Termizi Yahya, Suhairi Salem dan Suhana Mohamat.



Safari Rakit Baleh

Unimas telah menghantar pasukan ke Pertandingan Safari Rakit Baleh, Kapit 2003. Pertandingan itu diadakan bertujuan menguji ketahanan mental serta fizikal disamping mewujudkan semangat berpasukan yang tinggi.

Yong Kuok Soon Juara Renang

Yong Kuok Soon pelajar dari Fakulti Kejuruteraan wakil tunggal Unimas di Kejohanan Sukan Antara Universiti Malaysia (MASUM) 2003 telah memenangi lima pingat emas dan satu pingat perak daripada tujuh acara yang disertainya.

Unimas Juara Bowling

Pasukan Bowling Unimas menjadi johan dan naib johan di Pertandingan 2nd Aviva Corporate Foursome League 2003 yang dianjurkan oleh Riverside Superbowl di Riverside Superbowl Kuching dari Mei hingga Jun. Pemain-pemain yang menjadi johan ialah Prof. Madya Dr. Hamsawi Sani, Ramli Bujang, Hamzah Mohd. Sa'ee, Alhadi Bujang, Hashim Hazmi, Zahiruddin Md. Jais, Surina Hj. Zainuddin dan Hadijah Murni.

Senaman Perdana

Pada 15 Jun, Unimas dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Sukan, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia mengadakan Senaman Perdana-Malaysia Cergas sempena pelancaran Bulan Sukan Peringkat Kebangsaan dan Mencipta Rekod Penyertaan Serentak dan Teramai untuk direkodkan di dalam Malaysia Book Of Records. Senaman tersebut telah berlangsung di Dataran Canselori, Unimas.



Minggu Kecergasan Senamrobik

Amalan hidup yang sihat dapat memantapkan lagi keceriaan dan tahap kesihatan kita. Justeru itu, Unimas melalui Unit Sukan telah mengambil inisiatif mengadakan senamrobik untuk semua staf pada setiap Sabtu kedua dan keempat di Dataran Canselori.

Dengan adanya senamrobik ini akan memberi kesempatan kepada staf Unimas untuk bersenam disamping sibuk dengan tugas seharian. Instraktor senamrobik mingguan itu didatangkan khas daripada kementerian Sukan dan Belia. Unit Sukan menyeru warga Unimas untuk mengambil kesempatan ini untuk bersenam beramai-ramai untuk menjaga kesihatan. Badan yang sihat akan menjamin mutu kerja yang berkualiti.

Sarawak Simalajau Nature Challenge 2003

Pasukan Sukan lasak Unimas turut serta dalam Pertandingan Sarawak Simalajau Nature Challenge 2003 di Taman Negara Simalajau, Bintulu pada 19 Julai 2003. Pasukan Unimas telah mendapat tempat yang keempat dan keenam daripada 18 pasukan yang mengambil bahagian. Acara tersebut sememangnya mencabar dan menguji ketahanan mental dan fizikal para peserta iaitu mereka perlu melalui acara 40 km berbasikal, 15 km berlari dan 15 km berkayak. Pasukan yang memenangi tempat keempat diwakili oleh Hossin Sahahdan, Julin Tunggal, Hosbollah Ahyan dan Dayang Hazlina Awang Zainal. Mereka yang memenangi tempat keenam pula diwakili oleh Zulkipli Hj. Baijuri, Matius Juanis, Ronny Friday dan Suhana Mohamad.

Acara-acara sukan sepanjang Pesta Konvo

Sukan	Tarikh Pertandingan	Tempat
1. Bolasepak 7 Sebelah	7 - 9 Ogos 2003	Padang Bolasepak Komplek Sukan Unimas
2. Tennis	7 - 9 Ogos 2003	Gelanggang Tennis Komplek Sukan Unimas
3. Bola Jaring	7 - 9 Ogos 2003	Gelanggang Bola Jaring Kolej Kenari
4. Bola Tampar (L & W)	7 - 9 Ogos 2003	Gelanggang Bola Tampar Komplek Sukan Unimas
5. Kayak	7 - 9 Ogos 2003	Tasik Unimas
6. Sepak Takraw	7 - 9 Ogos 2003	Gelanggang Sepak Takraw Komplek Sukan Unimas
7. Memancing	10 Ogos 2003	Tasik Unimas
8. Kereta Kawalan Jauh	10 Ogos 2003	Gelanggang Bola Keranjang Komplek Sukan Unimas

22 April

Majlis pelancaran rasmi buku bertajuk *Women Workers, Migration and Family*



in Sarawak hasil karya Dr. Hew Cheng Sim, pensyarah Fakulti Sains Sosial telah diadakan di Bilik Senat dan dirasmikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Yusuf Hadi.

10 Mei

Mesyuarat Agung Khas Koperasi UNIMAS Berhad diadakan di Bilik Kuliah I, Unimas. Semua Ahli Koperasi UNIMAS Berhad dijemput ke mesyuarat tersebut.

17 Mei

Pasukan Unimas Eco-Adventure telah turut serta dalam pertandingan sukan lasak *Pueh Outdoor Challenge 2003* di Kem Belia Pueh, Sematan. Sukan lasak tersebut terdiri daripada tiga disiplin iaitu berkayak (24 km), berbasikal mountain bike (14 km) dan berlari (26 km). Satu pasukan terdiri daripada dua lelaki dan seorang wanita.

18 Mei

Fakulti Kejuruteraan telah menganjurkan Kejohanan Bowling Piala Prof. Madya Dr. Mohd Kadim Suaidi sempena dengan sambutan ulang tahun Sedekad Kecemerlangan Unimas. Pertandingan tersebut diadakan di Crystal Bowl, BDC. Warga Unimas dijemput menyertai pertandingan tersebut.

22 Mei

Sebanyak lapan buah pasukan telah menyertai Kejohanan Bolasepak Piala



Pendaftar. Pasukan-pasukan tersebut telah dibahagikan mengikut fakulti, institut, pusat, dan bahagian di Unimas seperti berikut:

- Pasukan 1 : PAK/IBEC/IKPK
- Pasukan 2 : BPA/BP/IPAT
- Pasukan 3 : PKMA/FSGK/BPPS
- Pasukan 4 : PPP/CICTS/FSKPM
- Pasukan 5 : FPSK/CALM/PPB
- Pasukan 6 : FSTS/FSS/FEB
- Pasukan 7 : FK/FIT/CTTC/BPPSP
- Pasukan 8 : HRM/BEND/CANS

24 Mei

Satu senamrobik telah diadakan di Dataran Canselori sempena dengan Minggu Kecergasan Unimas. Semua kakitangan Unimas telah dijemput hadir.

30 Mei

Ketua Menteri Sarawak hadir ke Majlis Makan Malam Sedekad Kecemerlangan Unimas di Hotel Hilton Kuching. Majlis tersebut turut diserikan dengan persembahan nyanyian penyanyi jemputan seperti Khatijah Ibrahim dan nyanyian istimewa daripada Ketua Menteri Sarawak. Staf Unimas turut hadir dalam majlis tersebut.



30 Mei

Unimas mengalu-alukan kedatangan pelajar baru dari seluruh Malaysia pada hari Pendaftaran Pelajar Baru Unimas sesi 2003/2004 di Dewan Unimas.

31 Mei

Bahagian Pengurusan Aset (BPS) mengadakan Hari Jualan Lelong Barangan Perabot dan Kayak terpakai di Stor Pelupusan, BPA. Jualan tersebut mendapat sambutan yang menggalakkan daripada staf Unimas.

20 Jun

Warga Unimas sekali lagi telah mengharumkan nama Unimas apabila menjadi johan dalam Pertandingan Lagu-lagu Melayu Asli MAKUM 2003 di UKM. Mereka terdiri daripada pelajar Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif. Fatimah Ismail dan Amir Hamzah Jahidin, Artis Budaya telah mewakili Unimas dalam pertandingan tersebut.

28 Jun

Sempena dengan sambutan ulang tahun kesepuluh Unimas satu Konsert Istimewa Sedekad Kecemerlangan Unimas telah diadakan di Stadium Perpaduan, Kuching. Pelbagai persembahan menarik telah disajikan termasuk persembahan daripada golongan istimewa.

5 & 6 Julai

Jawatankuasa Sosial Sambutan Sedekad Kecemerlangan Unimas telah menganjur Hari Terbuka Kelab Senggang bertempat di Dewan Unimas. Semua warga Unimas dijemput untuk turut serta.

19 Julai

Bertempat di Kelab Golf Sarawak, Petra Jaya telah dianjurkan satu Pertandingan Golf Klasik Unimas anjuran Kelab Golf Unimas. Penyertaan terbuka kepada semua ahli kelab.

22 Julai

Beberapa orang tokoh Unimas telah dianugerahkan Pingat Kebesaran sempena dengan Perayaan Ulang Tahun ke-40 Kemerdekaan Sarawak dalam Malaysia. Penerima tersebut ialah:

- Prof Datuk Yusuf Hadi
Pingat Peringatan Delima (Gangsa).
- Prof Datu Dr Prabir Ranjan Sen Gupta -Darjah Jasa Bakti Sarawak.
- Dato Peter Minos
Panglima Setia Bintang Sarawak.
- Prof Mary Jane Cardosa
Johan Bintang Sarawak.
- Encik Ahi anak Sarok Bentara
Bintang Sarawak.
- Prof Madya Dr Peter Songan -
Pingat Perkhidmatan Bakti
- Encik Ahmad Bin Katang
Pingat Perkhidmatan Bakti.

Aneka Peristiwa

24 Julai

Tokoh Unimas lain yang telah menerima anugerah ialah:

- Prof Madya Dr Hamsawi Sani - Pingat Kesatria Mangku Negara (K.M.N.) sempena Ulang tahun Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung pada 1 Jun 2003.
- Prof Madya Ahmad Khiri Mohd Zain - Pingat Darjah Paduka Mahkota Perak (P.M.P.) sempena Ulangtahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Yang Ke-75 pada 19 April 2003.

24 Julai

Kumpulan Tari BAYU Unimas telah mengharumkan nama Unimas setelah menyandang gelaran johan dalam Festival Tari Negeri Sarawak. Antara anugerah yang dimenangi dalam festival tersebut ialah:

- Johan Keseluruhan Festival Tari.
- Pereka Tari Terbaik – Encik Affendi Sebli.
- Tarian Kreatif Terbaik.

Tahniah dan syabas sekali lagi.



26 Julai

Bermula pada bulan Julai 2003, Unimas telah mengadakan Hari Unimas Bersama Pelanggan. Ia akan diadakan pada Sabtu minggu ke-4 pada setiap bulan. Program ini melibatkan semua F/I/P/B di Unimas.

28 Julai

Koperasi UNIMAS Berhad telah mengadakan satu mesyuarat bagi menetapkan had maksimum keterhutangan koperasi yang bersesuaian. Mesyuarat telah diadakan di Dewan Kuliah 6 semua ahli Koperasi UNIMAS Berhad telah dijemput hadir.

1 Ogos

Prof. Khairuddin Ab. Hamid, Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) telah ditemuramah oleh pihak TV3 dan disiarkan secara langsung dalam program Malaysia Hari Ini. Ia diadakan sempena dengan sambutan Sedekad Kecemerlangan Unimas dan Majlis Konvokesyen 2003.



2 Ogos

Pameran Unimas Bersama Masyarakat telah berlangsung di Tebingan Kuching telah bermula pada 2-9 Ogos 2003. Semua fakulti dan pusat turut serta dalam pameran tersebut.

4 Ogos

Rancangan Bicara Siswa (TV1) telah disiarkan secara langsung dari Panggung Eksperimen, Unimas. Ahli Panel yang terlibat ialah Prof. Sulaiman Hanapi (TNC HEP Unimas), YDP MPP UiTM (Cawangan Sarawak) dan Encik Mohd Razif Abdullah, YDP MPP Universiti Pertanian Malaysia. Rancangan tersebut telah dipengerusikan oleh Datuk Nordin Kardi, Ketua Pengarah Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri.

6 Ogos

MASNITA sekali lagi mengadakan jualan barangan terpakai sempena dengan Majlis Konvokesyen 2003. Barangan jualan tersebut adalah hasil sumbangan warga Unimas dan hasil jualan akan dimasukkan ke dalam tabung MASNITA bagi membiayai beberapa aktiviti MASNITA yang akan dijalankan.

7 Ogos

Satu Ceramah Perdana Hal Ehwal Islam Universiti Malaysia Sarawak dan JAKIM diadakan pada 7 Ogos 2003 bertempat di Dataran Canselor, Unimas.

Tahukah Anda ?

Penubuhan Fakulti dan Pusat Pengajian di Unimas

Tahun Penubuhan	Fakulti/Pusat
1992	Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Fakulti Sains Sosial Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia
1993	Pusat Pengajian Bahasa dan Komunikasi
1994	Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif Fakulti Kejuruteraan Fakulti Teknologi Maklumat
1995	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
1996	Fakulti Ekonomi dan Perniagaan

Jumlah Kemasukan Pelajar Unimas sejak 1993 hingga 2002

Tahun	Jumlah Pelajar
1993	118
1994	443
1995	735
1996	1,110
1997	1,596
1998	2,153
1999	2,568
2000	3,174
2001	3,931
2002	4,800

Buku Terbaru Terbitan Universiti Malaysia Sarawak

Syarikat Multinasional dan Pelaburan Langsung Asing



Buku ini menganalisis teori multinasional dan perdagangan antara-bangsa. Perbincangan utama melibatkan konsep-konsep asas dan teori perdagangan antara-bangsa secara perbandingan. Teori-teori yang dikemukakan oleh Adam Smith, David Ricardo dan

Micheal Porter dikupas dengan teliti dalam menjelaskan permulaan aktiviti perdagangan antarabangsa melalui aktiviti syarikat multinasional seperti yang berlaku pada hari ini.

Saiz: 5" x 8"

Halaman: 100

Penulis: Rujhan Mustafa

Harga: RM20.00

ISBN: 983-9257-29-3

Licentia Poetica Puisi Mutakhir Malaysia



Buku ini membincangkan perkembangan genre puisi pada akhir dekad 1980-an dan 1990-an. Perbincangan menerapkan pendekatan elektik, khususnya pendekatan sosiologi, stilistik, dan historikal. Penulis menyerlahkan kekuatan penyair generasi baru

Malaysia yang belum dikaji secara menyeluruh oleh peneliti atau pengkritik kesusasteraan. Fokus buku ini adalah terhadap unsur-unsur konvensi, pembaharuan, penyimpangan dan licentia poetica dalam puisi penyair muda.

Saiz: 5" x 8"


Halaman: 149

Penulis: Awang Azman Awang Pawi

Harga: RM25.00

ISBN: 983-9257-26-9

Health Needs of Older People In a Semi-Urban Village in Malaysia



This book examines the use of the Problem Classification Scheme, a tool that facilitates systemic nursing assessments, in the Malaysia setting. It describes and discuss the health problems that emerged from its use and elucidates their impact on the lives of those assessed

as well as indicating some important implications for the delivery of nursing and health care service to older Malaysians.

Saiz: 5" x 8"


Halaman: 127

Penulis: Sidiyah Siop

Harga: RM25.00

ISBN: 983-9257-21-8:

The Old Kayan Religion and The Bungan Religious Reform



This remarkable document is the first ever written by a Kayan in his own language. Lake' Baling's text is not a manual for religious specialists, but a reference book for the laity, which presents a Kayan view of kayan matters. In 1974, while anthropologist Jerome

Rousseau was doing fieldwork on Kayan religion in the village of Uma Bawang, Lake' Baling asked Rosseau to translate the manuscript into English and publish it, so that the Kayan people and the whole world could appreciate the value of Adat Bungan. This book is the fulfillment of the request. Its publication also makes a primary document available to scholars.

Saiz: 5" x 8"

Halaman: 124

Penulis: Lake' Baling'

Harga: RM25.00

ISBN: 983-9257-21-8

Menjejaki Siswazah Unimas



Buku ini mengemukakan maklum balas daripada para siswazah Unimas mengenai pekerjaan yang diceburi mereka, keberkesanan dan kesesuaian program pengajian yang telah diikuti, ketrampilan pegawai dan kemudahan pembelajaran di Unimas. Beberapa cadangan praktis tentang aspek yang

berkaitan dengan penawaran kursus, pengajaran-pembelajaran, pembangunan staf dan kemudahan dikemukakan oleh penulis.

Saiz: 5" x 8"

Halaman: 127

Penulis: Ibrahim Mamat, Zaiton Hassan,

Zamri Hassan dan Sabasiah Husin

Harga: RM30.00

ISBN: 983-9257-19-6

Basic Engineering Geology for Tropical Terrain



This book is embodies the synergy between geology and engineering which plays a very vital role in ensuring the success of engineering projects and mitigation of risks from natural phenomena. It aims at bringing about the understanding of the relevant geological aspects

essential for working with the earth's surface as well as tying them with geotechnical consideration and investigations is essential for both geologist and civil engineers.

Saiz: 6 1/2" x 9 1/2"

Halaman: 148

Penulis: Dr. Harwant Singh & Dr. Bujang

B.K. Huat

Judul-Judul Lain

Bil.	Judul Buku	Harga (RM)
1.	Voices of the Croker Range Indigenous Communities Sabah	25.00
2.	King Siliman and Other Bidayah Folk Tales	25.00
3.	Suket: Penan Folk Stories	25.00
4.	Apai Alui Becomes A Shaman and Other Iban Comic Tales	25.00
5.	Borneo 2000 Language, Management and Tourism	90.00
6.	Masalah Tidur dan Penyelesaiannya	25.00
7.	Tingkah laku Pengundian dalam Pilihan raya Parlimen Sarawak	25.00
8.	Mapping the People of Sarawak	180.00
9.	Proceedings - SEAMEC 2003 (CD-ROM)	60.00
10.	Life in the Malay Kampongs of Kuching, fifty years ago	25.00
11.	Changing Borders and identities In The Kelabit Highlands	25.00
12.	Birds of Sarawak: A pocket Checklist	10.00
13.	Birds of Perlis dan Kedah including Langkawi	18.75
14.	A Scientific Journey Through Borneo Sayap-Kinabalu Park Sabah	120.00
15.	Catalogue of Mammal Skin in the Sarawak Museum	65.00
16.	The New Wave University: A prelude to Malaysia 2020	120.00
17.	Bioresource Utilization	120.00
18.	A Scientific Journey Through Borneo Bario the Kelabit Highlands of Sarawak	120.00
19.	Biodiversity Conservation in ASEAN: Emerging Issues & Regional Needs	120.00
20.	Community Empowerment in Health Promotion Programmes	50.00
21.	A Scientific Journey Through Borneo Tawau Hills Park Sabah	120.00
22.	Chemical prospecting in the Malaysia Forest	90.00
23.	Sea Turtles of the Indo-Pacific Research Management & Conservation	330.00
24.	Virtual Reality	330.00
25.	Proceedings - Asean Ergonomics '97	150.00
26.	Proceedings - Virtual Reality '98	50.00

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

**Unit Penerbitan
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan**

Tel: +6082 671 000 samb. 535,651,650
Faks: +6082 672 406